

**Fakta
nombor**
1,600 PESAKIT

 buah pinggang
dapatkan rawatan
dialisis di NKF

26 PUSAT

 dialisis kendalian NKF
di seluruh negara


**Azlan menerima
sijil penghargaan
daripada Hong
Wee** pada majlis
penyerahan
enam mesin
haemodialisis oleh
Tabung
Kemanusiaan
Media Prima-NSTP
di Kuala Lumpur,
semalam.

Media Prima sumbang 6 mesin dialisis

➔ Peralatan
hasil tabung
kemanusiaan
untuk
manfaat NKF

**Oleh Wan Nur Faliqha
Wan Hazani**
bhnews@bh.com.my

✦ **Petaling Jaya**

Media Prima Berhad (Media Prima) menerusi Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP, semalam menyerahkan enam mesin haemodialisis kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF).

Enam mesin yang bernilai keseluruhan RM276,000 itu dibiayai menerusi sumbangan orang ramai dan syarikat korporat kepada tabung yang diusahakan Media Prima dan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) bagi membantu meringankan beban golongan memerlukan.

Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima, Azlan Abdul Aziz, berkata dua mesin akan ditempatkan di Cheras,

manakala selebihnya di pusat rawatan yang akan dibuka di Sarawak bagi membantu pesakit kurang berkemampuan menjalani rawatan.

Kumpul sumbangan

"Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP mengumpul sumbangan pelbagai pihak. Kami menggunakan pelbagai saluran media, termasuk rangkaian televisyen, radio serta akhbar untuk memberi ke-

sedaran kepada masyarakat agar prihatin dalam membantu golongan kurang bernasib baik," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee, berkata yayasan berkenaan berterima kasih dan besar hati dengan sumbangan disalurkan Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP serta orang ramai dan syarikat korporat yang memberi sumbangan kepada golongan memerlukan.